

Orang Islam yang Terkemuka

Sa‘īd bin al-Musayyib

Wafat pada tahun 94 Hijrah. Kedudukannya (darjah ilmunya) dan pandangan orang ramai kepadanya. Kesan-kesan yang penting dalam shakhsyahnya. Masa belajar. Masa mengajar. Suatu gambaran dari segi keahliannya dalam ilmu pengetahuan Islam.

Zaman al-Salaf al-Ṣāliḥ (zaman Ṣaḥābat dan Tābi‘īn) telah diakui kelebihannya oleh Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ‘ālihi wa sallam* dengan sabdanya: Bahawa sebaik-baik zaman ialah zamannya (kurun yang pertama) kemudian kurun yang kedua, kemudian kurun yang ketiga. Tiga kurun inilah yang sangat besar kesannya dalam kebangkitan Islam dan hasil peninggalannya.

Sa‘īd bin al-Musayyib, *raḍī Allāh ‘anh*, ialah dari orang-orang Islam pilihan yang telah hidup dalam kurun yang pertama. Ia salah seorang dari tābi‘īn (pengikut yang hanya berjumpa dengan Ṣaḥābat – tidak berjumpa Nabi). Sebagaimana Ṣaḥābat-ṣaḥābat Nabi yang berjasa di dalam Islam, orang-orang tābi‘īn juga telah diakui kelebihan mereka oleh Allah ‘Azza wa Jalla di dalam *al-Qur’ān al-Karīm*. Bahkan Sa‘īd – kerana ilmunya – telah disifatkan oleh orang-orang Islam pada zamannya sebagai penghulu orang-orang tābi‘īn.

‘Abdullah bin ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, yang terkenal luas ilmunya, amat tertarik hati kepada Sa‘īd bin al-Musayyib. Ia selalu menyuruh orang-orang yang datang meminta fatwa kepadanya, supaya mereka bertanya masalah-masalah itu

kepada Sa‘īd. Bahkan ia sendiri pernah pergi kepada Sa‘īd bertanyakan tentang hukum-hukum yang pernah dijalankan oleh ayahandanya: Saiyidina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dahulu.

Zahir di Madīnah al-Munawwarah

Dizahirkan di Madīnah al-Munawwarah. Ayahandanya “al-Musayyib” seorang Sahabat Nabi, dan nendanya “Ḥazan”. Seorang Ṣaḥābat Nabi juga. Sa‘īd telah terdidik dan besar panjang dalam zaman Saiyidina ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb menurut sejarahnya, ia telah diperanakan setelah dua tahun Saiyidina ‘Umar menjadi Khalifah. Ia terkenal sangat mencintai ilmu dan menghabiskan masanya untuk menampung ilmu pengetahuan pada zamannya. Ia juga seorang yang kuat peringatannya. Apa sahaja yang didengarnya habis dihafaznya. Ia telah berhubung dengan Ṣaḥābat- ṣaḥābat Nabi, mempelajari ilmu dan adab tertib mereka, dan menurut segala gerak langkah mereka yang terpuji serta meriwayatkan pula daripada mereka akan ḥadīth-ḥadīth yang telah mereka dengar dari Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ‘ālihi wa sallam*.

Menurut ibn al-Jauzī, bahawa Sa‘īd ibn al-Musayyib telah meriwayatkan ḥadīth-ḥadīth Nabi daripada ‘Umar, ‘Uthman, ‘Alī

Mu'adh bin Jabal, ibn 'Umar, Abī al-Dardā', 'Uqbah bin 'Āmir,
Şuhaib, Jābir bin 'Abd Allah, Abī Sa'īd al-Khudrī,
Salman al-Fārisī, Anas bin Mālik, ibn 'Abbās, 'Umar
Bin Abī Salamah, 'Ā'ishah dan Ummu Salamah.
Sa'ad bin Abī Waqqas, Ubay bin Ka'ab, 'Āmmār bin Yāsir,

Bersemenda dengan Abū Hurairah

Sa'īd ibn al-Musayyib telah berguru¹ dengan Abū Hurairah dan telah berkahwin dengan anak perempuannya. Perhubungan ini menjadikan dia terhitung seorang yang luas pengetahuannya tentang hadis Nabi yang diriwayatkan oleh Abū Hurairah. Sa'īd juga telah menuntut ilmu takbir mimpi kepada Siti Asmā' binti Abu Bakar al-Şiddīq,

dengan itu menjadilah ia seorang yang ahli dalam ilmu takbir mimpi, sama taraf dengan ibn Sīdīn. Tetapi kemasyhurannya dalam fiqah telah melindungi kemasyhurannya dalam ilmu takbir mimpi. Kesan-kesan yang timbul dari masyarakatnya yang baik dan perhubungannya dengan ahli-ahli ilmu pengetahuan itu, serta persediaan yang subur yang ada pada diri Sa'īd ibn al-Musayyib itu telah meletakkan dia pada tingkatan yang tinggi dan diberi gelaran-gelaran yang besar, seperti "*Sayyid al-Tābi'īn*" (Penghulu orang-orang Tābi'īn) dan "*Imām al-Fuqahā'*" (Pemimpin alim ulama ahli fiqah).

Dengan itu nyatalah bahawa sebab yang besar sekali kesannya pada membentuk Sa'īd ibn al-Musayyib – selain



Pembangunan di negara Sa'ūdī 'Arabiyyah. Bangunan yang indah ini ialah Pusat Pengarahan Umum Siaran Radio dan Suratkhbar, yang terletak di bandar Jeddah.

¹ ejaan dalam Qalam ialah 'bergurau'

daripada persediannya dan bakatnya – ialah perhubungannya dengan Abu Hurairah. Ia tidak renggang semenjak ia berguru kepadanya dan beristerikan anak perempuannya. Salin tak tumpah seperti perbuatan Abu Hurairah sendiri yang telah berdamping rapat dengan Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ālihi wa sallam* dan tidak renggang dari sisinya. Sehingga Abu Hurairah menjadi seorang Ṣaḥābat Nabi yang banyak sekali meriwayatkan hadis daripada Rasulullah

ṣallā Allāh alayhi wa ālihi wa sallam. Sa‘īd ibn al-Musayyib telah menurut jejak Abu Hurairah lalu mengahwinkan anak perempuannya kepada salah seorang muridnya yang miskin dan menolak pinangan seorang Amir yang terkemuka.

Dengan usahanya yang tidak putus-putus, Sa‘īd ibn al-Musayyib telah berjaya mengumpulkan ilmu fiqah Ṣaḥābat-ṣaḥābat Nabi dan masalah-masalah hukum pengadilan yang mereka pernah jalankan. Sa‘īd selalu ditanya orang tentang masalah-masalah itu, dan ia selalu pula meriwayatkannya, sehingga ia menjadi orang yang ahli sekali tentang masalah-masalah tersebut. Ia pernah berkata: “Tiada siapa-siapa yang tinggal selain daripada aku yang lebih mengetahui akan hukum-hukum pengadilan yang telah dijalankan oleh Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ālihi wa sallam* dan Abu Bakar serta Umar dan Uthman.” Kejayaannya ini, barangkali, kerana ia telah berjaya mengumpulkan masalah-masalah yang telah diperkatakan oleh Ṣaḥābat-ṣaḥābat besar Nabi pada zamannya. Dengan kelebihannya itu, ia telah menjadi tempat bertanya hingga Ṣaḥābat-ṣaḥābat Nabi sendiri, mereka mengambil daripadanya dan percaya penuh akan apa yang diriwayatkannya daripada saudara-saudara mereka – Ṣaḥābat-ṣaḥābat Nabi yang kebilangannya - *raḍī Allāh ‘anhum*.

Selain daripada itu, Sa‘īd ibn al-Musayyib, *raḍī Allāh ‘anh*, terkenal seorang yang zuhud – tidak mementingkan kemewahan hidup. Ia tidak lepas-lepas dari Masjid Nabi di Madinah. Ia sentiasa hadir di situ untuk sembahyang berjemaah, dan berdiri di barisan yang di hadapan sekali. Hal yang demikian telah dilakukan olehnya sepanjang masa empat puluh tahun.

***Bacalah!**

Sudah terbit!

Buku-buku Syuhada’

Di susun oleh:

Edrus

1. Ḥamzah bin ‘Abd al-Muṭṭallib	50 sen
2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam	50 ”
3. ‘Ikrimah bin Abū Jahal	50 ”
4. Sa‘ad bin Rabī‘	50 ”
5. Sa‘ad bin Mu‘ādh	50 ”
6. Nu‘mān bin Maqrān	50 ”
7. Ja‘far bin Abī Ṭālib	50 ”
8. Anak ‘Abd Allāh bin Ubay	50 ”
9. Anak Angkat Rasul Allāh	50 ”
10. Abū Khuzaifah bin ‘Utbah	50 ”

Lain-lain buku Tārīkh

Sejarah Ringkas Muḥammad (S.A.W) (oleh Edrus)	\$1.20
Bilāl – (oleh Abdullah Basmeh)	1.20
Muḥammad (S.A.W) (oleh Abdullah Basmeh) empat penggal	
Sepenggal	\$1.20

